

CNS4119  
U PB 15-09 00214 BA078  
aab

PBDS YANG RUGI JIKA BERPAKAT DENGAN DAP, KATA PM (Ulangan membetulkan tarikh pada dateline)  
Mahathir - PBDS

KUALA LUMPUR, 15 Sept (Bernama) -- Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) tidak akan mendapat sebarang manfaat jika ia mengadakan pakatan atau bekerjasama dengan DAP untuk pilihan raya negeri Sarawak, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berharap pakatan seumpama itu tidak wujud kerana PBDS ialah parti komponen Barisan Nasional (BN) di peringkat pusat.

Di Sarawak, PBDS bertindak sebagai parti pembangkang dan setelah penamaan calon dibuat semalam, parti itu meletakkan 34 calonnya untuk menentang BN pada pilihan raya 27 dan 28 Sept ini.

+Kalaupun PBDS hendak mengadakan kerjasama, ia patut diadakan dengan Barisan Nasional di Sarawak dan bukannya dengan DAP,+ katanya kepada pemberita setelah melepaskan peserta Larian Perdana Kampungku dan menyertai acara Senamrobik Perdana di Dataran Merdeka, di sini. Ia dianjurkan oleh Kementerian Penerangan dan Kelab Eksekutif Selangor dan Wilayah Persekutuan.

Ketua Menteri Sarawak Tan Sri Haji Abdul Taib Mahmud baru-baru ini dilaporkan berkata-bahawa parti-parti pembangkang di negeri itu mengadakan pakatan sulit untuk memecahkan undi bagi menumbangkan kerajaan BN di negeri itu.

Katanya PBDS dan DAP masing-masing menafikan kewujudan pakatan itu kerana bimbang akan kehilangan sokongan.-- Lagi

♥15/09/11-49MST

CNS4125

R PB 15-09 00144 BA079

aab

Mahathir - PBDS, 2 Kuala Lumpur

Mengenai acara senamrobik itu, Perdana Menteri berkata senaman seumpama itu perlu juga diadakan di setiap kementerian dan kajian mengenai perlaksanaannya akan dilakukan.

Katanya, tempoh kira-kira 10 minit boleh diperuntukkan untuk senaman kerana ia boleh meningkatkan kecergasan fizikal dan mental serta boleh meningkatkan produktiviti pekerja.

Katanya, senaman boleh diadakan di semua tempat, sama ada di bandar atau kampung dan di pejabat kerajaan atau swasta.

+Sekiranya rakyat Malaysia lemah, tidak mungkin mereka bekerja kuat untuk mencapai kemajuan termasuk bagi mencapai Wawasan 2020,+ katanya.

Ditanya mengenai acara Larian Kampungku dan Senamrobik Perdana itu yang diadakan bagi memperingati Hari Penubuhan Malaysia pada 16 Sept, Datuk Seri Dr Mahathir berkata, kebanyakan rakyat hanya mengetahui tarikh Kemerdekaan pada 31 Ogos 1957 daripada Hari Penubuhan Malaysia pada 16 Sept 1963. --  
Lagi

♥15/09/12-07MST

CNS41'26

R PB 15-09 00123 BA080

aab

Mahathir - PBDS 3 Kuala Lumpur

Oleh itu, katanya, beberapa acara akan terus diadakan pada masa akan datang untuk memp'eringati Hari Penubuhan Malaysia.

Bagaimanapun tarikh 16 Sept tidak akan dijadikan cuti umum disebabkan Malaysia telah banyak mempunyai cuti umum, katanya.

+Terlalu banyak rihat adalah tidak baik dan boleh inenggagalkan usaha mencapai matlamat pembangunan negara,+ kata beliau.

Mengenai lawatannya ke Mexcico, Datuk Seri Dr Mahathir berkata ia bertujuan mengeratkan hubungan dengan negara itu kerana Mexico merupakan rakan perdagangan Malaysia yang ketiga besarnya di Amerika Selatan.

Beliau akan berlepas ke Mexico untuk lawatan rasmi sehinggalah 22 Sept dan kemudian akan menghadiri Perhimpunan Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) pada 24 Sept. -- Lagi

♥15/09/12-08MST

CNS4128

R PB 15-09 00152 BA081

aab

Mahathir - PBDS 4 Kuala Lumpur

Ditanya sama ada beliau akan membangkitkan mengenai- isu alam sekitar pada Perhimpunan Agung PBB itu, katanya, perkara itu tidak akan dibangkitkan tetapi beliau akan menerangkan pendirian Malaysia mengenai beberapa masalah.

Kira-kira 2,000 orang menyertai Perdana Menteri dalam acara senamrobik selama kira-kira setengah jam itu yang diketuai oleh Instruktur Kecergasan, Kementerian Penerangan Siti Norzehan Mohd Ali.

Yang turut sama ialah Menteri Penerangan Datuk Mohamed Rahmat, timbalannya Encik Railey Haji Jeffrey serta Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Alex Lee.

Kira-kira 5,000 peserta pula menyertai acara Larian Kampungku sejauh 10 km yang terbahagi kepada enam kategori. Hadiah-hadiah disampaikan oleh Encik Railey.

Datuk Mohamed berkata, beliau berpuashatidengan sambutan terhadap senamrobik dan larian tersebut.

Katanya, beberapa acara lain termasuk pertandingan ujian kecerdasan akan diadakan untuk mcmperingati Hari Penubuhan Malaysia tahun depan. -- Bernama

♥15/09/12-22MST